

Najib harus berhenti gunakan Justo, media kerajaan alih perhatian dari kesalahan, kata PKR
The Malaysian Insider
Sept 8, 2015

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak harus berhenti menggunakan media yang dikawal kerajaan dan kenyataan Xavier Justo yang kini dalam tahanan bagi mengelakkan diri daripada kesalahan yang dilakukannya berhubung isu dana RM2.6 bilion, kata Naib Presiden PKR Nurul Izzah Anwar.

Nurul Izzah dalam kenyataannya berkata, tindakan kerajaan dan media kawalan kerajaan yang cuba mengaitkan dirinya dengan Justo juga adalah tidak tepat kerana beliau tidak pernah menemui lelaki tersebut.

"Untuk rekod, saya menafikan saya menawarkan kontrak bernilai US\$2 juta kepada Justo dalam kontrak kerajaan akan datang apabila pembangkang berkuasa. Saya juga tidak pernah menemuinya," kata Nurul Izzah, dalam kenyataan di Kuala Lumpur hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai respon kepada laporan akhbar New Straits Time yang melaporkan berita dengan artikel bertajuk: "Justo: Nurul Izzah Wanted Stolen Data".

"Ini adalah cubaan terdesak media kawalan Barisan Nasional (BN) untuk melarikan diri daripada isu sebenar skandal syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) membabitkan perdana menteri," katanya. – 8 September, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-harus-berhenti-gunakan-justo-media-kerajaan-alih-perhatian-dari-kesal>